

The background of the entire cover is a night-time photograph of the Singapore skyline, featuring prominent skyscrapers like the Marina Bay Sands and the Esplanade - Theatres on the Bay. The image is divided into geometric sections by dark green and gold borders. A light green area with a gold geometric pattern is on the left, and a dark green area is on the right. The title is centered in a dark green rectangle.

SIRI IRSYAD *Kontemporari*

OLEH PEJABAT MUFTI



ISI KANDUNGAN

1 KATA-KATA ALUAN OLEH MUFTI

2 IBADAH/RITUAL

Prinsip di Sebalik Ibadah/Ritual

- ✿ Panduan praktikal untuk menunaikan solat dalam keadaan tertentu (16)
- ✿ Solat Jama' dan Solat Qaḍā' - Definisi (17)

3 MENUNAIKAN SOLAT

- ✿ Tugas saya tidak membenarkan saya henti berehat untuk menunaikan solat. Apakah huraian bagi saya? (18)
- ✿ Apakah yang harus saya lakukan sekiranya saya menghadiri mesyuarat yang panjang dan berkemungkinan saya akan terlepas waktu solat? (20)
- ✿ Adakalanya, saya tidak dapat menunaikan solat Jumaat disebabkan tugas. Apakah yang harus saya lakukan? (21)
- ✿ Tugas saya tidak membenarkan saya menghadiri solat Jumaat setiap minggu. Apakah yang harus saya lakukan? (22)
- ✿ Bagaimana sekiranya saya telah berusaha sedaya upaya tetapi tugas saya masih tidak membenarkan



saya menunaikan solat Jumaat, dan tidak mudah untuk mencari kerja lain disebabkan pasaran pekerjaan? (22)

- ✿ Bagaimanakah saya menunaikan solat dalam kem dan semasa latihan kerahan? (24)
- ✿ Adakah dibenarkan untuk mendirikan solat sunat secara berjemaah (solat Taubah dan Hājah)? Seseorang memberitahu saya bahawa ia merupakan suatu bid'ah, dan seseorang itu perlu meninggalkan jemaah tersebut sekiranya imam mendirikan solat sedemikian secara berjemaah. (26)
- ✿ Teman saya berpendapat bahawa solat saya tidak diterima kerana saya tidak memakai tudung – adakah ini benar? (27)

4 BERPUASA

- ✿ Apakah hukum berpuasa bagi mereka yang mempunyai kerja atau latihan berat yang memerlukan kekuatan fizikal/jasmani? (29)
- ✿ Bolehkah saya berbuka puasa di rumah teman saya yang bukan Muslim? Bolehkah saya mengundangnya untuk iftar bersama? (31)

5 MAKANAN DAN JAMUAN

Prinsip di Sebalik Makanan dan Jamuan

- ✿ Adakah makanan yang disuburkan dengan baja yang berasal dari makanan yang tidak halal dianggap juga tidak halal? (39)



Diriwayatkan dari Jabir berkata,

**Rasulullah saw bersabda,
“Orang beriman itu bersikap ramah dan
tidak ada kebaikan bagi seorang yang tidak
bersikap ramah. Dan sebaik-baik manusia
adalah orang yang paling bermanfaat
bagi manusia.”**

[al-Mu’jam Al-Awsat]

- ✿ Syarikat saya menganjurkan jamuan tengahari di restoran yang tidak mempunyai pensijilan halal. Bolehkah saya sertai rakan-rakan sekerja saya? (40)
- ✿ Bolehkah saya bertugas dalam pekerjaan yang memerlukan saya berurusan dengan alkohol? (41)

6 INTERAKSI SOSIAL

Prinsip di Sebalik Interaksi Sosial

- ✿ Bagaimanakah pendekatan kita terhadap ayat-ayat yang disalahtafsir serta dijadikan alasan untuk membenci orang lain? Seperti surah al-Mā'idah ayat 51. (44)
- ✿ Bolehkah kita bertukar-tukar ucapan salam serta hadiah dengan anggota masyarakat beragama lain? (45)
- ✿ Bolehkah kita menyertai sambutan perayaan agama lain? (46)
- ✿ Bolehkah seseorang Muslim menziarahi tempat ibadah agama lain? (47)
- ✿ Bolehkah orang beragama lain memasuki kawasan masjid-masjid kita? (48)
- ✿ Bagaimana pula jika mereka tidak menutup aurat apabila mereka masuk ke masjid? (49)



KATA-KATA ALUAN OLEH SOHIBUS SAMAAH MUFTI SINGAPURA

Kepada Masyarakat Islam Singapura, ingin saya memulakan bicara saya dengan menegaskan bahawa nilai agama kita sentiasa menjadi cahaya panduan dalam segenap aspek kehidupan, dan membentuk sebahagian daripada aspek penting identiti kita. Islam yang kita amalkan merupakan sebahagian daripada kehidupan kita dan tidak pernah terpisah daripadanya. Islam menggalakkan kita untuk terus memperbaiki diri, kerana seorang Muslim yang baik bukan sahaja tekun beribadah, tetapi dia juga tekun dalam melakukan kebaikan dan mempunyai pekerti yang baik dalam segenap aspek kehidupannya.

Menjadi satu kepentingan untuk kita terus memastikan bahawa pemahaman kita berkaitan teks dan tradisi agama ini sentiasa bersesuaian dengan konteks Singapura, diwaktu yang sama sambil berpegang teguh dengan semangat, ajaran dan objektif perundangan Islam. Amalan agama ini perlu sentiasa berakarkan prinsip-prinsip Islam, menyedari matlamat perundangan Islam, dan mampu memberi penyelesaian kepada keperluan-keperluan yang sentiasa berubah dengan sebaik yang mungkin. Bagi mencapai matlamat ini, kita perlu terus terpandu dengan keimanan, ajaran etika dan kemampuan untuk membuat pertimbangan. Kita perlu hidup dalam konteks semasa ditengah-tengah masyarakat, dan terus berusaha untuk mencapai keseimbangan yang sempurna antara prinsip-prinsip penting yang ditetapkan melalui wahyu dan realiti keadaan kehidupan yang sebenar.

Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya sentiasa mengambil pertimbangan yang serius pada perubahan budaya dan norma-norma, atau 'uruf, masyarakat. Pada aspek pembangunan fiqh, kita mendapati terdapat pengaruh budaya pada perundangan dan peraturan yang dibentuk. Imām Abū Hanīfah mempertimbangkan budaya dan adat resam pelbagai masyarakat sebagai sumber rujukan sampingan kepada perundangan Fiqh, selagimana ia tidak bertentangan dengan Al-Qur'ān.

Imām Mālik juga banyak bergantung kepada konsep *Istiṣlāh*, yang mempertimbangkan kepentingan dan kebajikan masyarakat, sebagai salah satu prinsip utama dalam metodologi fiqh beliau.

Imām Shāfi'i, seperti ulamak-ulamak Islam yang lain, amat mengiktiraf 'uruf dan norma sosial, sehingga menjadi aspek penting pada pembentukan perundangan mereka. Ia memberikan gambaran bahawa Islam memberi ruang bagi kita untuk memastikan bahawa keperluan masa dan konteks yang berbeza itu dipenuhi. Ia membuktikan kesungguhan para ulamak dalam mencari huraian serta penyelesaian bagi masyarakat mereka masing-masing.

Dalam memenuhi keperluan kita pada hari ini, kita perlu memahami konteks Singapura yang berpegang dengan dasar sekular, berbilang budaya dan agama, yang memiliki struktur ekonomi yang kompleks serta kemajuan pada bidang teknologi. Terdapat keperluan yang mendesak untuk kita pandai membuat pertimbangan – kita perlu berpegang teguh kepada objektif-objektif umum agama kita, juga berpegang kepada perundangan dan kerangka etika yang luas, tanpa memaksakan penyelesaian masa lalu dengan cabaran dan isu masa kini.

Kita perlu membangunkan kerangka kerja dan pendekatan agama yang membolehkan kita hidup dalam kehidupan keagamaan yang menyakinkan, dalam konteks masa kini.

Siri Irsyad kontemporari ini merupakan suatu usaha untuk menyatupadukan prinsip-prinsip seperti yang telah saya nyatakan tadi, sebagai usaha untuk memberi panduan kepada pelbagai persoalan yang kami terima setiap hari, semasa menjalankan tugas – ia merupakan suatu usaha untuk memberi penyelesaian yang sesuai dengan realiti masa kini. Ia turut bertujuan untuk berpindah dari pemahaman perundangan Islam yang terbatas dengan konsep '*ḍarūrah*'. Sungguhpun konsep '*ḍarūrah*' mempunyai dasarnya dalam tradisi kita, untuk secara berterusan berfikir sedemikian rupa sehingga menjadikannya suatu pendekatan, akan menjejaskan fiqh seharian kita.

Pemikiran sebegini yang dikenali sebagai '*legal exceptionalism*' dapat menimbulkan dua isu:

1) Kewujudan orang Islam dalam masyarakat bukan majoriti merupakan keadaan yang sementara; dan 2) pembentukan pemerintahan atau politik Islam yang ideal (sempurna) akan terbentuk suatu masa nanti, dan mereka akan berhijrah dan melafazkan kesetiaan mereka kepada tatanegara tersebut.

Pemikiran sebegini sebenarnya menghambat masyarakat Islam daripada berhadapan dengan realiti kehidupan mereka dengan cara pragmatik. Ia bahkan berpotensi mengalakkan pemikiran *escapism* (lari dari realiti) sementara menantikan lahirnya sebuah negara khayalan.

Sebenarnya, setiap Muslim mempunyai tanggungjawab untuk bukan sahaja menunaikan ibadahnya semata-mata, tetapi juga untuk mengamalkan dan membudayakan norma-norma kehidupan yang positif. Inilah merupakan Muslim yang baik, mereka tidak terhalang dengan keadaan sekitaran untuk memaparkan dan mengamalkan nilai-nilai, prinsip-prinsip serta keindahan Islam.

Saya mengharapkan anda mendapati jilid pertama siri Irsyad ini sesuatu yang berguna buat diri anda, dan saya mendoakan ia dapat membantu kita untuk mencapai keselesaan dalam kita

mengharungi situasi baru, dari hari ke hari.

Marilah bersama-sama kita memohon pertunjuk dan rahmat Allah s.w.t. bagi segala perkara yang kita lakukan, dan semoga Allah s.w.t. terus menyirami masyarakat kita dengan kekuatan dan daya tahan untuk hidup sebagai seorang Muslim yang baik dan menyumbang kepada masyarakat kita.

**DR MOHAMED
FATRIS BAKARAM
MUFTI SINGAPURA**



PRINSIP DI SEBALIK IBADAH/RITUAL

Ibadah dan ritual sentiasa menjadi teras agama kita. Rukun Islam yang lima menjelaskan bahawa ibadah perlu ditunaikan oleh setiap Muslim sebagai simbol keimanan, dan iltizam/komitmen kerohanian, kepada Allah s.w.t. Ritual-ritual ini juga membentuk identiti kita sebagai penganut agama Islam – kita tidak mengamalkan ritual agama lain tetapi kita bekerja, makan dan hidup bersama secara harmoni tanpa sebarang masalah.

Walaupun kita diperintah agama untuk mencapai kesempurnaan ibadah, adalah penting juga untuk menghayati hadith Rasulullah agar memerhatikan kesederhanaan dan tidak keterlaluan sehingga menyebabkan bahaya atau kesukaran.

Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda:

“Agama itu mudah, dan sesiapa yang terlalu membebankan dirinya dalam agamanya tidak mampu berterusan sedemikian. Jadi, engkau tidak harus keterlaluan, tetapi cuba mencapai kesempurnaan dan terima manfaat yang akan dianugerahkan kepadamu.”

(Diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī)

Nabi s.a.w. kerap mengingatkan kita agar jangan terjebak dalam perangkap sedemikian.

“Agama ini sangat luas jadi kita harus mendekatinya dengan cara yang lembut dan jangan buat diri kita sehingga benci untuk beribadah kepada Allah, kerana pengembara yang tidak membenarkan kudanya berehat tidak akan sampai ke destinasi dan kudanya tidak akan mampu meneruskan perjalanan.”

(Diriwayatkan oleh Imām al-Bayhaqī)

Dalam menjelaskan *hadīth* ini, Ibn Rajab dalam kitabnya *Fatḥh al-Bārī fī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* menyatakan seseorang yang tidak membenarkan kudanya berehat, tidak akan sampai ke destinasi kerana kudanya itu tidak akan mampu meneruskan perjalanannya. Sekiranya, orang itu bersikap lembut terhadap kudanya dengan meringankan bebanan semasa perjalanan, kudanya dapat meneruskan perjalanan tersebut sehingga membawanya sampai ke destinasi.

Dengan menjadikan ibadah itu sukar dan rumit, kita hanya akan membebankan diri sendiri dengan kesusahan yang telah diringankan oleh Allah s.w.t. Dengan berbuat demikian, kita memberi gambaran yang salah terhadap Islam sebagai sebuah agama yang membebankan umatnya, sedangkan kesukaran itu dicipta sendiri. Malahan, ini menjauhkan seseorang Muslim yang ingin mendalami agama mereka kerana bimbang dan takut tidak mampu berpegang kepada ajaran agama mereka.

Sebenarnya, Islam adalah agama yang menekankan pentingnya keseimbangan. Islam mengiktiraf bahawa manusia hidup secara bermasyarakat dengan pelbagai tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Islam juga mengiktiraf tanggungjawab kita terhadap penjagaan dan kesejahteraan diri sendiri, keluarga, tempat kerja, jiran tetangga, dan banyak lagi.

Masyarakat Islam dituntut untuk berusaha mencapai akhirat dan menghadapi cabaran, tanpa mengabaikan tanggungjawab lain atau tidak memenuhi hak mereka yang berada di bawah jagaan mereka.

“Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.” (al-Qaṣaṣ: 77)

Dalam konteks hari ini, kita mungkin akan menghadapi situasi yang mencabar dalam menunaikan sebahagian ibadah. Pendekatan dalam hal sebegini adalah dengan menuruti prinsip Islam “memudahkan dan tidak merumitkan” seperti yang dituntut oleh Qur’an dan Sunnah Nabi s.a.w.

Ini tidak bermakna kita bersikap sambil lewa terhadap ibadah kita. Sebaliknya, kita amalkan konsep ‘rukḥṣah’ atau keringanan seperti yang dibenarkan dalam Islam. Dengan berbuat demikian, ia membolehkan kita untuk terus memenuhi komitmen terhadap tanggungjawab kita dalam keadaan yang lebih mudah dikendalikan/diuruskan.

Nabi s.a.w. pernah bersabda:

“Permudahkan dan jangan merumitkan. Berikan khabar yang baik dan jangan berikan khabar buruk (buat orang lari daripadamu). Bekerjasama sesama kita dan janganlah berpecah-belah.”

(Diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī dan Muslim)

PANDUAN PRAKTIKAL UNTUK MENUNAIKAN SOLAT DALAM KEADAAN TERTENTU

(SEMASA MESYUARAT TERGEMPAR, PEPERIKSAAN DAN SEBAGAINYA)

Jadual A

✳️ WUDU':

- Lakukan yang wajib sahaja untuk *wuḍū'*. Ini termasuk mencuci muka, tangan dan kaki sekali sahaja dan bukan tiga kali.
- Anda juga digalakkan untuk memelihara *wuḍū'* agar tidak perlu mengulanginya untuk waktu-waktu solat yang lain. Ini akan membantu anda menjimat masa rehat yang anda dapat untuk menunaikan solat.

✳️ SOLAT:

- Lakukan yang wajib sahaja untuk solat. Contohnya, anda hanya perlu membaca al-Fātiḥah bagi setiap rakaat – tanpa membaca du'a *iftitāḥ* dan surah yang sering kita baca selepas membaca al-Fātiḥah.
(Nota: Ini hanya dilakukan apabila kita benar-benar kesuntukan masa. Adapun pada masa-masa biasa, seseorang itu seharusnya meluangkan masanya untuk beribadah dan berkomunikasi dengan Allah dalam suasana tenteram)

✳️ RUANG SOLAT:

- Bawalah sejadah kecil bersama anda. Anda tidak perlu ke masjid atau surau - cukup bagi anda menunaikan solat di tempat berdekatan yang kelihatan bersih dari kekotoran, dan bentangkan sejadah anda ke arah qiblah dan dirikan solat. Biarpun sekiranya anda tidak mempunyai sejadah, anda masih boleh solat di atas mana-mana permukaan yang bersih. Habuk tidak dianggap sebagai najis dan kesan najis yang tidak kelihatan pada mata kasar juga dimaafkan. Namun, perlu beri perhatian terhadap orang lain. Pastikan anda tidak menghalang kawasan lalu-lalang, tidak menyusahkan orang lain atau, lebih buruk lagi, sekiranya anda solat di kawasan lalu-lalang dan membahayakan keselamatan anda sendiri.

SOLAT JAMA' DAN SOLAT QADA' - DEFINISI

Jadual B

✳ MENYATUKAN/MENGGAJUNGKAN SOLAT:

- Solat *Jama'* merupakan gabungan dua waktu solat. Anda boleh gabungkan solat *Zuhur* dan '*Aṣar*, dan ia boleh didirikan sama ada semasa waktu solat *Zuhur* atau '*Aṣar*. Anda juga boleh menggabungkan antara solat *Maghrib* dan '*Isyā*', dan ia didirikan pada waktu solat *Maghrib* atau '*Isyā*'. Namun, solat *Ṣubuh* tidak boleh digabungkan dengan waktu solat lain.
- Bila anda tahu anda akan menggabungkan solat dengan melewati solat (*Zuhur* atau *Maghrib*) ke waktu berikutnya, anda harus berniat untuk menggabungkan solat ini (*Zuhur* atau *Maghrib*) dengan solat yang berikutnya ('*Aṣar* atau '*Ishā*'). Contohnya, anda harus berniat semasa waktu *Zuhur* yang anda akan menggabungkan solat tersebut dengan solat '*Aṣar*. Sama juga, jika anda tahu anda akan mempercepatkan solat yang lebih lewat dalam gabungan solat tersebut, anda harus berniat untuk menggabungkan solat yang lebih lewat itu dengan solat yang lebih awal. Contohnya, jika anda akan mempercepatkan '*Aṣar*, anda harus berniat untuk menggabungkan solat tersebut pada waktu *Zuhur*, dan teruskan untuk menunaikan solat *Zuhur* dan '*Aṣar*.

✳ QADĀ':

- *Qaḍā'* bermaksud menunaikan solat yang terlepas di luar waktunya. Dalam keadaan sedemikian, anda harus berniat untuk *qaḍā'* solat yang terlepas pada waktu solat yang berikutnya. Contohnya, anda telah solat *Zuhur*, dan kemudian tersedar semasa waktu '*Aṣar* yang anda akan terlepas peluang untuk menunaikan solat '*Aṣar*. Anda harus berniat untuk *qaḍā'* solat '*Aṣar* itu. Tetapi, anda harus prihatin yang ini hanyalah sebagai jalan terakhir – anda harus merancangkan solat *jama'* jika anda tidak sempat menunaikan solat pada waktunya.

Tugas saya tidak membenarkan saya henti berehat untuk menunaikan solat. Apakah huraian bagi saya?

Solat lima kali sehari adalah wajib ke atas setiap Muslim untuk menunaikannya – malah seseorang yang langsung tidak boleh bergerak tetap diwajibkan untuk melaksanakan solat sekadar kemampuannya. Oleh itu, anda harus cuba berbincang dengan penyelia anda. Fahami kebimbangan mereka dan cari huraian serta memberi penjelasan bahawa tugas anda tidak terjejas sungguhpun anda menunaikan solat. Sekiranya tugas anda tidak boleh ditinggalkan tanpa pengawasan, maka berbincanglah dengan rakan sekerja anda jika beliau dapat membantu mengambil alih tugas anda untuk sementara waktu. Anda juga harus pastikan anda dapat membalas budi rakan sekerja anda itu bila ada kesempatan.

Jika ini dapat dilakukan, anda boleh mempertimbangkan panduan yang tertera (dalam **Jadual A**), bagi mengurangkan masa yang diambil dari kerja, semampu yang boleh.

Jika anda telah mencuba pelbagai cara yang ada dan masih tiada peluang untuk anda menunaikan solat, anda boleh melakukan solat *jama'* **tanpa memendekkannya** (*qaṣar*). Namun, sekiranya anda terlepas peluang untuk

menunaikan solat *jama'*, anda tiada pilihan lain kecuali melakukan solat *qaḍā'*. Namun, ini harus menjadi pilihan terakhir anda.

Para ulama dari pelbagai mazhab, termasuk mazhab Mālikī, Ibn Munzīr dari mazhab Shāfi'ī, Ibn Sīrīn dan Ibn Shabramah telah berkata:

“Solat jama' dibenarkan selagi mana ia tidak menjadi sesuatu kebiasaan.”

Peringatan! Ini hanya menjadi huraian jika anda telah berusaha semampu yang mungkin untuk menunaikan solat pada waktunya. Dalam erti kata lain, ia tidak harus menjadi suatu kebiasaan tetapi hanya harus dilakukan dalam keadaan luar biasa seperti yang dibincangkan di atas.



3 MENUNAIKAN SOLAT



Apakah yang harus saya lakukan sekiranya saya menghadiri mesyuarat yang panjang dan berkemungkinan saya akan terlepas waktu solat?

Dalam keadaan sedemikan, kami sarankan untuk anda menunaikan hanya yang wajib untuk *wuḍū'* dan solat (**Jadual A**) agar dapat mengurangkan masa yang diambil dari mesyuarat. Kesempurnaan solat adalah dengan menunaikan perkara yang wajib. Sememangnya terdapat banyak perkara sunat yang membawa ganjaran dan meningkatkan solat kita, dan kita harus sentiasa berusaha untuk menunaikannya pada waktu-waktu biasa. Jika tidak, melaksanakan yang wajib sudah mencukupi.

Namun, jika anda langsung tidak boleh meninggalkan tugas, anda boleh melakukan solat *jama'* atau *qaḍā'* (sila rujuk pada **Jadual B** bagi perbezaan antara solat *jama'* dan *qaḍā'*).





Adakalanya, saya tidak dapat menunaikan solat Jumaat disebabkan tugas. Apakah yang harus saya lakukan?

Pada hari-hari di mana anda tidak boleh meninggalkan tugas untuk menunaikan solat Jumaat, anda boleh menunaikan solat Zuhur. Para ulama membenarkan kita meninggalkan solat Jumaat di atas sebab-sebab yang munasabah. Dalam kitab Mukhtaşar, Imām Khalīl dari mazhab Mālikī menjelaskan:

“Alasan bagi meninggalkan solat Jumaat termasuk: lumpur yang terlalu banyak/keterlaluan, hujan lebat, penyakit kusta, tidak sihat, menjaga golongan lemah/sakit atau terbatas pergerakan kerana beberapa sebab dan sebagainya.”

Oleh itu, sekiranya pergerakan anda di tempat kerja terbatas disebabkan isu yang tidak dapat dielakkan, ia tertakluk di bawah sebab-sebab yang tertera di bawah.

Tugas saya tidak membenarkan saya menghadiri solat Jumaat setiap minggu? Apakah yang harus saya lakukan?

Apabila anda menghadapi situasi sebegini, bincanglah dengan penyelia anda, dan yakinkan mereka yang waktu kerja anda dan daya penghasilan tidak akan terjejas walaupun anda menghadiri solat Jumaat. Mungkin anda boleh menawarkan untuk datang kerja lebih awal atau pulang lebih lewat untuk memenuhi masa kerja. Sekiranya ini boleh dilakukan, anda perlu bersikap *amānah* dan menghormati kepercayaan itu dengan hanya mengambil masa yang diberikan itu untuk menunaikan solat Jumaat.

Sekiranya anda mempunyai jadual waktu yang padat dan anda tidak dapat menghadiri solat Jumaat tepat pada waktunya, anda boleh mempertimbangkan menghadiri solat Jumaat semasa khuṭbah atau semasa solat itu sendiri.

من أدرك ركعة من الصلاة فقد أدرك الصلاة

Nabi s.a.w. bersabda: *Sesiapa (yang lewat menyertai solat) yang mendapat satu raka'ah solat maka dia memperoleh solat tersebut.* (Diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī dan Muslim)

Bagaimana sekiranya saya telah berusaha sedaya upaya tetapi tugas saya masih tidak membenarkan saya menunaikan solat Jumaat, dan tidak mudah untuk mencari kerja lain disebabkan pasaran?

Nabi Muhammad s.a.w. menasihatkan agar jangan meninggalkan solat Jumaat tanpa sebab yang diterima. Baginda bersabda seseorang yang meninggalkan solat Jumaat sebanyak tiga kali, “Allah akan menutup hatinya” (Diriwayatkan oleh Ibn Mājah).

Jelas bahawa solat Jumaat adalah penting. Namun, apa yang dimaksudkan oleh Nabi s.a.w. dengan “sebab yang diterima”?

Dalam *hadīth* Nabi s.a.w. yang lain (Diriwayatkan oleh Abū Dāwud), Baginda

menjelaskan 'sebab yang diterima' adalah ketakutan dan penyakit.

Ibn Qudāmah r.a. dalam kitabnya al-Mughnī menjelaskan terdapat tiga jenis ketakutan: takut bagi diri sendiri, takut bagi kekayaan atau harta, dan takut bagi keluarga sendiri.

Oleh itu, sekiranya tugas anda tidak membenarkan anda menunaikan solat Jumaat, selagi mana anda dalam tugas tersebut dan anda tidak mampu mencari kerja lain untuk menyara kehidupan seharian anda dan keluarga anda, *fiqh awlāwiyāt* atau *fiqh* keutamaan boleh diaplikasikan di sini. Anda perlu mengutamakan kewajipan yang bukan sahaja menjejaskan individu tetapi juga tanggungan atau masyarakat yang lebih besar, dari kewajipan yang hanya menjejaskan individu. Kewajipan bertugas merupakan sebab yang dapat diterima sehingga anda dapat mencari pekerjaan lain. Ini juga merupakan pendapat ulama kontemporari Syeikh 'Abdullah Bin Bayyah, dan Dār al-Iftā' Mesir.

Anda juga perlu terus mengikuti pesanan dan peringatan kerohanian pada hari Jumaat dengan mendengar khutbah atau membaca teksnya di lelamen MUIS.

Anda juga perlu terus menjadi individu Muslim yang baik dengan harapan bahawa mereka di sekeliling anda akan dapat memahami bahawa kewajipan seorang Muslim dari segi ritual dan kerohanian tidak menjejaskan daya penghasilannya semasa bertugas. Bahkan, menunaikan kewajipan ini mempunyai kesan positif ke atas dirinya dan etika kerjanya – ia merupakan suatu peringatan baginya untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam kesemua aspek kehidupannya, termasuk kerjayanya.

Bagaimanakah saya menunaikan solat dalam kem dan semasa latihan kerahan?

Bila anda menghadapi situasi ini, salah satu panduan berguna untuk anda adalah mencari peluang untuk solat sebaik sahaja anda boleh berbuat demikian. Sebagai contoh, anda boleh mencari peluang tersebut ketika waktu rehat, atau ketika anda tidak ditugaskan sebagai pengawal semasa latihan kerahan. Jangan lupa untuk memberitahu teman atau penyelia anda supaya mereka tahu anda mengambil sedikit masa untuk melakukan solat.

Anda juga boleh mempertimbangkan panduan yang dikongsi dalam **Jadual A**. Malah, anda boleh melakukan '*masḥu al-khuf*' untuk memudahkan proses ini. Ini bermakna anda tidak perlu menanggalkan but (kasut kulit) semasa mengambil *wuḍū'*, anda hanya perlu menyapu kasut anda dengan air. Terdapat beberapa syarat untuk melakukan perkara ini:

- ✿ Anda perlu ber*wuḍū'* terlebih dahulu sebelum memakai but. Dalamerti kata lain, anda sudah berada dalam keadaan bersuci semasa menggunakan but.
- ✿ Ia hanya boleh dilakukan bagi menyucikan diri dari najis yang ringan (contohnya, selepas buang angin, buang air kecil atau besar), tetapi tidak dalam keadaan najis besar (contohnya dalam keadaan *janābah* selepas bermimpi).
- ✿ But atau kasut yang anda pakai harus menutup seluruh kaki sehingga ke paras buku lali.



✿ Anda tidak boleh menanggalkan but atau kasut anda. Jika anda menanggalkannya, anda tidak boleh lagi melakukan *mashu al-khuf*. Oleh itu, anda tidak seharusnya menanggalkan kasut biarpun semasa anda solat.

✿ Jika anda terpijak najis, anda perlu membersihkan najis tersebut sebelum mengambil *wuḍūʿ*.

✿ Sekiranya anda berada di kawasan yang berdekatan, anda hanya boleh melakukan *mashu al-khuf* dalam jangka masa 24 jam. Adapun sekiranya anda sedang dalam perjalanan dan dianggap sebagai musafir, anda masih boleh melakukan *mashu al-khuf* dalam jangka masa 3 hari, selagi anda memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas tadi.

Ia diriwayatkan oleh
Imām Muslim:

“Nabi s.a.w. bersabda: Satu hari dan satu malam bagi orang yang bukan musafir, dan tiga hari dan tiga malam bagi yang musafir yakni, untuk menyapu atas khuf.”

Adakah dibenarkan untuk mendirikan solat sunat secara berjemaah (solat Tawbah dan Hajah)?

Seseorang memberitahu saya ia merupakan suatu bid'ah, dan seseorang itu perlu meninggalkan jemaah tersebut sekiranya imam mendirikan solat sedemikian secara berjemaah.

Ini adalah pandangan yang tidak tepat. Pertama dan utama, anda perlu faham apakah yang dianggap sebagai bid'ah yang dilarang dalam Islam. Imām Shāfi'ī telah menyatakan terdapat dua jenis bid'ah:

- i) Amalan yang tidak selari dengan Qur'an, Sunnah, tradisi sahabat (*Athār*) dan kata sepakat (*Ijmā'*) para ulama Islam.
- ii) Bid'ah yang membawa kebaikan. Bid'ah seperti ini dibenarkan.

Akibatnya, perkara-perkara yang baru dan belum pernah diamalkan sebelum ini, tetapi selari dengan objektif Islam dan tidak bercanggah dengan dasarnya, ia tidak dianggap suatu bid'ah yang dilarang.

Nabi s.a.w. pernah mendirikan 8 rakaat solat *Tarāwih* secara berjemaah, dan melengkapkan rakaat lain secara bersendirian. Ia diriwayatkan bahawa 'Umar r.a. mengajak masyarakat Islam untuk mendirikan 20 rakaat secara berjemaah berbanding hanya 8 rakaat.

Perkara yang sama boleh dilihat di Makkah al-Mukarramah di mana 20 rakaat solat *Tarāwih*



didirikan secara berjemaah. Kita juga lihat amalan mengkhhatamkan 30 Juz semasa solat *Tarāwih* sepanjang Ramadan dan khatam Al-Qur'an ketika solat *Tarāwih* yang biasanya berlaku pada 27 Ramadan. Kesemua ini tidak pernah dilakukan oleh Nabi s.a.w. dengan cara yang diamalkan sekarang.

Oleh itu, melakukan segala jenis solat sunat (Sunnah) secara berjemaah adalah sesuatu yang dibenarkan.

Seorang ulama mazhab Shāfi'ī, Imām Khāṭib Shirbinī r.a., menjelaskan dalam kitabnya Mughnī al-Muḥtāj:

“Tidak terdapat di dalam Sunnah yang solat sunat diadakan secara berjemaah. Namun, jika ia didirikan secara berjemaah, ia dibenarkan dan tidak dikira makrūh.”



Teman saya berpendapat bahawa solat saya tidak diterima kerana saya tidak memakai tudung – adakah ini benar?

Solat adalah satu kewajipan dan salah satu rukun Islam. Menutup aurat juga merupakan suatu kewajipan yang perlu diusahakan dengan sebaik mungkin. Namun, sekiranya anda tidak dapat memenuhi suatu kewajipan, ia tidak menyebabkan kewajibannya yang lain menjadi batal, kerana kedua-duanya adalah kewajipan yang berasingan.

Adalah bukan keputusan seorang insan untuk menentukan sama ada ibadah, keimanan dan kebaikan seseorang itu membuahkan hasil atau tidak. Semua insan menghadapi cabarannya yang tersendiri. Dan beliau perlu berusaha untuk menjadi Muslim yang lebih baik. Oleh itu, kita harus tumpukan pada diri kita sendiri dan tinggalkan perkara-perkara di luar kuasa kita kepada Allah, yang Maha Mengetahui.





Apakah hukum berpuasa bagi mereka yang mempunyai tugas atau latihan berat yang memerlukan kekuatan fizikal/jasmani?

✳ Terdapat perselisihan pendapat dikalangan ulama berkaitan isu ini.

✳ Pendapat pertama membenarkan pekerja Islam di dalam keadaan sedemikian untuk berbuka apabila mereka tidak lagi boleh bertahan dari berpuasa. Namun, pendapat ini memerlukan seorang Muslim untuk memulakan harinya dengan berpuasa dan meneruskan puasanya itu sehingga terasa lapar dan dahaga yang tidak dapat ditanggung, serta bimbang puasanya dapat membahayakan dirinya. Apabila beliau telah sampai ke tahap sedemikian, maka wajib baginya untuk berbuka puasa. Inilah pendapat yang dipegang oleh Syeikh Wahbah al-Zuhaylī serta majoriti fuqahā'.

✿ **Pendapat kedua** dijelaskan dalam fatwa Dār al-Iftā' Mesir, yang berpendapat bahawa bagi golongan yang yakin bahawa tugas mereka akan memudaratkan jasmani mereka jika mereka berpuasa, mereka dibolehkan untuk memulakan hari mereka tanpa berpuasa.

✿ **Pendapat ketiga** pula berpandangan para pekerja yang berada dalam keadaan sedemikian dibenarkan untuk tidak berpuasa daripada awal selagimana pekerjaannya itu, merupakan satu-satunya mata pencarian mereka. Ini adalah pendapat para ulama kontemporari seperti Profesor Quraysh Shihāb.

✿ Pendapat yang mana sekalipun seorang muslim berpegang dengannya, para pekerja yang terpaksa meninggalkan puasanya perlu menebus semula puasa yang ditinggalkan selepas bulan Ramadan.

✿ Dalam keadaan paling ekstrem di mana seorang pekerja tidak dapat mengambil cuti rehat biarpun selepas bulan Ramadan, beliau tidak berdosa sekiranya tidak dapat menebus semula puasa yang ditinggalkannya.

Memadailah baginya untuk membayar *fidyah* selagi beliau terus bekerja dalam keadaan sedemikian, dan tidak dapat mencari masa untuk membayar kembali puasa tanpa membahayakan kesihatan atau nyawanya. Ini adalah pendapat para ulama mazhab Hanafi, seperti dinyatakan dalam kitab Hāshiyah Ibn 'Ābidīn (2/420).

✿ Secara ringkas, kami menasihatkan para Muslimin yang bertugas dalam keadaan yang mencabar ini untuk menilai sendiri kesihatan mereka. Jika mereka berpuasa dan membahayakan diri sendiri, mereka tidak seharusnya berpuasa. Puasa adalah sesuatu yang wajib, tetapi memelihara nyawa adalah satu keutamaan. Mereka harus terus sihat agar dapat terus melakukan kerja bagi menyara diri dan tanggungan mereka yang merupakan tanggungjawab penting juga. Tuhan Maha Pengampun, dan Dia tidak akan menghukum seseorang bagi sesuatu yang tidak mampu dia tunaikan.

¹Di Singapura, masyarakat Islam boleh membayar fidyah di masjid-masjid di seluruh negara.

Bolehkah saya berbuka puasa di rumah teman saya yang bukan Muslim? Bolehkah saya mengundangnya untuk iftar bersama?

Berkaitan isu ini, al-Qur'an menyediakan prinsip berikut:

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halamanmu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil." (Al-Mumtahanah: 8)

Oleh itu, tiada alasan mengapa seseorang tidak boleh berbuka puasa di rumah rakannya yang bukan Islam, atau menjemput mereka ke rumah, kerana ini sejajar dengan semangat rukun tetangga yang diajar di dalam Qur'an.

Malah, untuk menolak undangan seorang rakan yang berlainan agama, yang telah bermurah hati mengundang anda untuk meraikan acara istimewanya, adalah tidak wajar.

Anda boleh memaklumkan kepada

tuan rumah dengan sopan tentang keperluan pemakanan atau menawarkan juga untuk menyumbang makanan malam dengan membawa makanan sendiri



untuk tidak menyusahkan mereka.

Untuk penjelasan lanjut mengenai keperluan pemakanan menggunakan perkakas yang digunakan untuk makanan tidak halal, sila rujuk pada topik Makanan dan Jamuan.



5 MAKANAN DAN JAMUAN



PRINSIP DI SEBALIK MAKANAN DAN JAMUAN

Memakan makanan yang halal sahaja adalah penting dalam amalan agama Islam. Perintah untuk memakan makanan yang halal disebut di dalam Qur'an lebih dari 20 ayat. Nabi s.a.w. melarang sama sekali dan prihatin dengan mereka yang memilih untuk makan dan minum yang diharamkan, tetapi meminta bantuan dari Tuhan. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imām al-Nawawī, Nabi s.a.w. pernah bersabda:

“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.” (al-Baqarah: 172)

Kemudian baginda menceritakan tentang kisah seorang lelaki yang telah jauh berjalan, dalam keadaan kusut masai dan berabuk, dan menadah tangan ke langit sambil berkata ‘Wahai Tuhan! Wahai Tuhan!’ sementara makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram, dan dia dibesarkan dengan perkara haram, jadi bagaimanakah doanya dapat dijawab?’ (Diriwayatkan oleh Imām Muslim)





Dengan penekanan terhadap memakan sesuatu yang halal ini, kita dapat memahami mengapa masyarakat Islam bersikap lebih berhati-hati dalam hal pemakanan yang dimakan. Namun, perlu dibezakan antara yang dianggap halal dan sikap berhati-hati ataupun warak.

Pendapat mazhab Shāfi'ī dijadikan sebagai asas bagi prosedur dan keperluan pensijilan halal MUIS. Untuk melayakkan diri, para pemohon harus memenuhi syarat-syarat Pensijilan Halal MUIS. Sebagai contoh, menurut mazhab Shāfi'ī, perkakas perlu disertu jika ia pernah digunakan untuk sajian yang mengandungi khinzir.

Bagi masyarakat Islam yang bekerja di syarikat di mana kebanyakan kakitangannya adalah bukan Muslim, keramaian yang dianjurkan syarikat tersebut mungkin tidak diadakan di tempat-tempat yang mendapat pensijilan halal, dan tidak semestinya menyediakan kemudahan yang membezakan pelanggan yang memakan makanan halal dan tidak halal. Ada syarikat yang cuba membuat penyesuaian bagi keperluan

pemakanan pekerja Muslim mereka, sementara ada yang sukar melaksanakan sedemikian bagi setiap acara. MUIS telah menerima banyak pertanyaan berkaitan isu ini, dan kami memahami ini merupakan situasi yang perlu ditangani dan memerlukan kepada panduan yang praktikal.

Bahagian ini bertujuan untuk memberi panduan bagi membantu orang-orang Islam yang menghadapi situasi untuk membuat keputusan tentang makanan dan jamuan yang tiada pensijilan halal, atau menggunakan kemudahan/alat perkakas untuk segala jenis makanan yang halal dan tidak halal.

✳ **Menggunakan Peralatan yang Dikongsi**

Bagi peralatan yang tidak digunakan secara khusus untuk makanan halal seperti peti sejuk atau ketuhar gelombang mikro di pejabat, status halal makanan tidak terjejas sekiranya tiada sentuhan secara langsung atau pencampuran antara makanan halal dan bukan halal.

Imām Muhammad ‘Abdullah al-Jurdānī meriwayatkan dalam kitabnya *Fath al-‘Allam bi sharḥ Murshid al-Anām*,

“Dan sekiranya suatu bekas mengandungi susu diletakkan di atas api yang bernajis bagi memanaskan susu itu, lalu berterbangan sesuatu daripadanya ke dalam susu itu, ia dimaafkan.”

Berdasarkan pandangan ini, makanan yang **secara tidak sengaja** tercampur dengan sedikit bahan makanan tidak halal masih boleh dimakan – apatah lagi makanan yang disimpan dalam bekas yang ditutup rapat.

✿ Perkakas

Menurut mazhab Shāfi‘ī, pinggan mangkuk serta perkakas yang tersentuh langsung dengan khinzir perlu disertu sebelum digunakan untuk makanan halal.

Walau bagaimanapun, terdapat pendapat ulama lainnya, seperti mazhab Ḥanbalī, yang menyatakan penyertuan perkakas bukan suatu keperluan tetapi sesuatu yang digalakkan.

Jābir r.a. telah berkata: *“Kami pernah menyertai ekspedisi tentera bersama Rasulullah dan mendapatkan pinggan dan perkakas yang digunakan oleh orang-orang bukan Islam. Kami akan menggunakannya dan tidak menganggapnya ia sebagai sesuatu yang tidak sesuai dilakukan.”*

Imām al-Nawawī menjelaskan bahawa pinggang mangkuk yang dinyatakan dalam hadith tersebut telah digunakan untuk memasak khinzir dan menghidangkan minuman alkohol oleh orang-orang yang bukan Islam.

Kepelbagaian pendapat dalam tradisi Islam kita membolehkan pelbagai huraian bagi keadaan-keadaan yang berbeza. Apabila terdapat keperluan, kita boleh berpegang dengan pandangan mazhab lain, terutama sekali sekiranya kita diundang ke acara yang dianjurkan rakan atau keluarga yang berlainan agama.





Adakah makanan yang disuburkan dengan baja yang berasal dari makanan yang tidak halal dianggap juga tidak halal?

Proses pengkomposan atau *composting* adalah satu cara mengitar semula makanan sebagai baja tanpa membazirkan sisa makanan. Ia adalah proses semula jadi sama ada dengan campur tangan manusia ataupun tidak.

Sisa makanan dan tanaman dilonggokkan dalam suatu tempat di taman. Ia dibiarkan selama setahun dan kemudiannya dimasukkan ke dalam tanah yang ada. Prosedur ini menghasilkan tanah yang subur dan tidak tercemar.

Soal was-was tentang kesucian hasil tanaman tidak seharusnya timbul kerana sumber tanah kompos tidak menjejaskan kesucian tanaman tersebut dan tanaman itu halal untuk dimakan.

**Syarikat saya
menganjurkan
jamuan tengahari
di restoran yang
tidak mempunyai
pensijilan halal.
Bolehkah saya
sertai rakan-rakan
sekerja saya?**

Islam membenarkan seseorang itu menghadiri atau menyertai undangan teman-teman yang berlainan agama asalkan ia tidak memerlukan kita untuk menyertai mana-mana amalan keagamaan atau terlibat dalam perkara-perkara yang jelas bercanggah dengan ajaran Islam. Penting bagi kita untuk tidak mengasingkan diri dari acara seperti ini demi memupuk semangat mesra sebagai rakan sekerja.

Sekiranya seseorang itu diberi pilihan untuk memilih tempat, pilihlah yang ada pensijilan halal. Nasihat berikut adalah bagi mereka yang tidak mempunyai pilihan tersebut.

Apabila anda makan di tempat-tempat yang tiada pensijilan halal, anda boleh mengamalkan panduan-panduan berikut:

- ✿ Memilih makanan laut atau sayur-sayuran
- ✿ Meminta agar tiada alkohol atau lemak haiwan yang digunakan dalam proses memasak

Jika ada kebimbangan tentang pencampuran perkakas dengan perkakas yang digunakan untuk sajian lain, anda boleh menimbangkan untuk mengikut pendapat mazhab lain seperti yang dijelaskan dalam permulaan bahagian ini.

Namun, jika anda masih tidak selesai, anda boleh memilih untuk meminum minuman halal sahaja.

**Bolehkah saya
bertugas dalam
pekerjaan yang
memerlukan saya
berurusan dengan
alkohol?**

Masyarakat Islam dilarang meminum minuman alkohol. Mereka juga perlu mengelakkan dari bekerja di tempat-tempat yang melibatkan minuman alkohol. Namun, dalam keadaan di mana tiada pekerjaan lain selain dari pekerjaan tersebut yang memerlukan seseorang untuk berurusan dengan minuman alkohol, seperti menjual dan sebagainya. Selagimana urusan tersebut bukan tugas utamanya, tugas tersebut dibenarkan kerana matlamatnya adalah untuk menyara diri dan keluarga.

Sebagai contoh, sekiranya anda bekerja di pasar raya di mana anda harus mengendalikan bungkusan minuman alkohol atau bahan makanan yang bukan halal dan ia tidak menjadi tugas utama anda. Pandangan mazhab Ḥanafī membenarkan kelonggaran diberikan terutama sekali di negara di mana kebanyakan penduduknya bukan beragama Islam.

Perkara yang serupa ini telah dibahasakan ulama mazhab Ḥanafī, Imām Al-Zayla'ī dalam Rad al-Muḥtār 'ala al-Dur al-Mukhtār. Beliau berpendapat gaji seseorang yang ditugaskan menghantar arak, atau menternak khinzir adalah halal.



PRINSIP DI SEBALIK INTERAKSI SOSIAL

✿ Kepelbagaian manusia adalah satu realiti sosial kerana ia adalah kehendak Tuhan.

✿ Kesejagatan kehidupan tidak memerlukan keseragaman pengalaman.

✿ Intipati bagi sebuah masyarakat inklusif ialah kita perlu berbuat baik terhadap orang lain terlebih dahulu sepertimana kita ingin orang lain berbuat baik dengan kita. Kita perlu membangunkan sebuah masyarakat yang mengambil berat dan menghormati antara satu sama lain biarpun terdapat perbezaan - masyarakat yang terikat dengan hubungan kemanusiaan yang sama.

✿ Islam mengiktiraf kepelbagaian manusia dan agama. Antara matlamat utama *Shari'ah* adalah pelestarian agama. Ini bukan sahaja melibatkan perlindungan, pemeliharaan dan mempromosikan nilai-nilai dan amalan-amalan Islam tetapi juga perlindungan kebebasan kepercayaan (seperti pendapat Syeikh Ibn Ashur).

Oleh itu, Islam tidak boleh memaksa orang untuk menerima agamanya, dan setiap individu berhak memilih kepercayaan sendiri, nurani serta cara ibadah yang dipercayainya sebagai benar.

✿ Pentingnya menghormati dan menegakkan budaya sosial (*'urf* atau *'adah*) masyarakat yang berbilang budaya dan agama. Di mana terdapat perbezaan tafsiran teks agama, kita harus memilih pandangan yang lebih sesuai dengan budaya tempatan kita.

✿ Menghormati amalan agama lain atau orientasi agama tidak bermakna kita mempercayainya. Ia hanya bermakna kita i) tidak memperkecilkannya, atau ii) menghormati pandangan mereka. Allah s.w.t. berfirman dalam Sūrah al-An'ām, ayat 108: *"Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah..."*

Bagaimanakah pendekatan kita terhadap ayat-ayat yang disalahtafsir serta dijadikan alasan untuk membenci orang lain?

Seperti Surah al-Ma'idah ayat 51: "Wahai orang-orang yang beriman!

Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana sebahagian mereka menjadi teman rapat kepada sebahagian yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang berlaku zalim."

Tafsiran ayat-ayat al-Qur'an menjadi alasan untuk membenci orang lain adalah salah dan tidak sesuai untuk masyarakat kita yang berbilang agama. Tafsiran-tafsiran sedemikian yang wujud pada tradisi Islam satu ketika dahulu sebenarnya merujuk kepada situasi yang wujud suatu ketika dahulu, semasa berlakunya permusuhan politik.

Para ulama yang dihormati seperti al-Ṭabarī dan lain-lain menekankan bahawa ayat-ayat ini bukanlah satu tegahan yang menyeluruh, dan sebenarnya penting untuk memahaminya dalam konteks dan sebab di sebalik penurunannya.



Malah, berdasarkan ayat 8 Sūrah al-Mumtaḥanah, orang Islam diperintahkan untuk bersikap adil dan baik hati terhadap semua orang.

"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil." (al-Mumtaḥanah: 8)

Bolehkah kita bertukar-tukar ucapan salam serta hadiah dengan anggota masyarakat beragama lain?

Dalam menghulurkan *rahmah* terhadap rakan-rakan kita yang bukan Islam, kita digalakkan untuk berkongsi makanan, bertukar-tukar hadiah dan ucapan selamat. Kita tidak dilarang dari memberi ucapan sempena hari perayaan mereka. Pendapat yang mencegah masyarakat Islam dari berbuat sedemikian secara amnya berpendapat bahawa amalan seperti itu terdapat kemungkinan membawa kepada perbuatan syirik atau membatalkan keimanan seseorang itu. Pandangan seperti itu adalah salah.

Hanya dengan mengucapkan kata-kata selamat sempena perayaan agama atau tradisi agama lain, tidak bermakna bahawa seseorang itu melafazkan kata-kata yang membawa maksud kepercayaan kepada agama lain. Ucapan bagi menyambut kepercayaan agama lain adalah bagi mengeratkan lagi hubungan sosial antara masyarakat Islam dan bukan Islam. Ia bukanlah bermakna kita bersetuju dengan doktrin agama atau mempercayai kepercayaan agama lain dan sistem kepercayaananya.

Para ulama kontemporari seperti Syeikh Abdallah bin Bayyah dan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, juga berpegang kepada pendapat yang sama dalam isu ini.

Bolehkah kita menyertai sambutan perayaan agama lain?

Penting bagi kita untuk jelas terhadap tujuan di sebalik tingkah laku kita. Jika kita diundang ke acara perayaan agama lain, kita boleh menghadiri dan menyaksikan acara itu tanpa menyertai segala upacara ritual atau ibadah keagamaannya. Bagi acara yang diadakan sebagai acara kebudayaan atau kemasyarakatan, masyarakat Islam dibenarkan hadir. Oleh itu, penting bagi kita untuk benar-benar memahami tujuan acara tersebut dan di manakah batas penyertaan kita.

Menghadiri keramaian masyarakat lain dengan tujuan menghormati dan menghargai budaya akan lebih mengeratkan lagi hubungan antara orang Islam dan bukan Islam, dan dapat memupuk rasa saling hormat menghormati di kalangan budaya dan kaum.



“Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung segala sesuatu.”

(An-Nisā':86)



Bolehkah seorang Muslim menziarahi tempat ibadah agama lain?

Masyarakat Islam dibolehkan menziarahi tempat ibadah agama lain, selagi mana kita tidak menyertai dalam segala amalan ritual keagamaan. Ini adalah sebahagian dari usaha mengekalkan pertalian dengan mereka yang berbeza agama, dan memahami dengan lebih mendalam lagi agama dan amalan mereka kerana kita hidup dalam masyarakat berbilang agama, dan berkongsi nilai-nilai kemanusiaan dan ihsan serta cinta pada keamanan.

Diriwayatkan oleh Ibn Khaldūn dalam kitabnya *Tārīkh Ibn Khaldūn*, Semasa Sayyidinā ‘Umar r.a. menjadi khalifah, beliau menerima undangan untuk menziarahi sebuah gereja di Baitulmaqdis. Dalam hal ini, beliau meminta Sayyidinā ‘Alī r.a. dan masyarakat Islam lain untuk menerima undangan jamuan makan gereja itu, seperti yang diriwayatkan oleh Ibn Qudāmah dalam kitabnya *al-Mughnī*.

Bolehkah orang beragama lain memasuki kawasan masjid-masjid kita?

Boleh. Mereka adalah tetamu kita yang akan mempelajari lebih mendalam lagi tentang agama kita dan amalan-amalannya. Ulama Ibn Qayyim al-Jawziyyah meriwayatkan dalam kitabnya *Zādu al-Ma'ād fī Hadyi Khayri al-'Ibād* tentang bagaimana Nabi s.a.w. telah membenarkan delegasi seramai 14 ketua paderi Kristian dari Najrān yang datang ke Medina untuk menandatangani perjanjian dengan baginda, untuk masuk ke masjidnya. Semasa mereka sedang bermesyuarat di dalam masjid, masuknya waktu untuk mereka bersembahyang pada waktu petang, maka mereka meminta izin untuk bersembahyang di masjid. Pada mulanya, ada beberapa sahabat yang keberatan untuk memberi izin tetapi Nabi s.a.w. memberi kebenaran untuk mereka berbuat demikian.

Bagaimana pula jika mereka tidak menutup aurat apabila mereka masuk ke masjid?

Masjid adalah rumah Allah, di mana rahmat dan belas kasihan dihulurkan kepada semua orang. Kita semua adalah tetamu Allah s.w.t., justeru kita harus melayani tetamuNya yang lain dengan ramah dan baik. Kita boleh menyarankan dan menggalakkan mereka untuk berpakaian yang sesuai, tetapi bukan dengan sikap yang kasar.

Marilah kita mengambil petunjuk dari Nabi Muhammad s.a.w. Diriwayatkan oleh Imam Muslim tentang seorang Badwi masuk ke masjid dan membuang air kecil (secara terbuka) di kawasan masjid. Hal ini memeranjatkan para sahabat yang kemudiannya cuba menghentikan lelaki itu. Tetapi, Nabi s.a.w. berkata: *“Jangan diganggu orang itu; biarkan dia sendirian.”* Kemudian mereka meninggalkannya dan apabila lelaki itu telah selesai, Nabi s.a.w. memanggilnya dan dengan lembut menasihatinya agar jangan melakukannya lagi. Nabi s.a.w. kemudian memberi arahan kepada para sahabatnya untuk membawa sebaldi air dan membersihkan kawasan itu.

Maka kita dapat lihat bagaimana Nabi s.a.w. memperlakukan seseorang yang sebenarnya mengotori kawasan masjid dengan kelembutan

dan bermaruah. Ia mengajarkan kepada kita bahawa tiada ruang bagi bersikap keras dan merendahkan orang yang tidak menutup aurat di dalam masjid.

Ini termasuk juga orang Islam yang datang ke masjid untuk menunaikan solat tetapi tidak menutup aurat. Masjid adalah rumah Allah di mana semua insan dialu-alukan selagi mereka ingin meraih manfaat dari kunjungan itu. Tugas kita adalah untuk memberi nasihat dengan cara yang paling sesuai dan mulia.



Office
OF THE
MUFTI